

'Pas tidak berpeluang memerintah negara ini'

13 APR 1986

Oleh ZAIN AYIP

KUALA TERENGGANU — Lawatan dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Terengganu, meninggalkan kesan yang tidak kurang pentingnya bagi rakyat Terengganu, khususnya mereka yang terpengaruh dengan Pas.

Dalam ucapannya ketika meletakkan batu asas projek perumahan kos rendah dan sederhana di Gong Badak, Khamis lalu dan di hadapan lebih 1,000 pemimpin Barisan Nasional di Stadium Negeri keesokan harinya, Perdana Menteri merumuskan bahawa Pas, walau dengan apa cara sekalipun tidak dapat memerintah negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi beberapa alasan untuk membuktikan kenyataannya. Alasan itu berkait rapat dengan sikap pemimpin Pas itu sendiri dan kekuatan parti itu di negara ini. Antara alasan itu ialah;

Pertama; Pas yang mengharapkan undi satu kaum sahaja iaitu Melayu tidak dapat diterima oleh rakyat berbilang kaum, sedangkan Barisan Nasional dianggotai oleh tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India dan kaum-kaum lain di Sabah dan Sarawak.

Kedua; Pemimpin Pas hanya bijak bercakap tetapi tidak pernah membuat atau memikirkan projek untuk rakyat, sedangkan Barisan Nasional dari masa ke semasa terus bekerja keras menjalankan pelbagai projek untuk rakyat, khususnya yang berpendapatan rendah.

Ketiga; Pas lebih suka melihat negara ini hancur dan menuduh kerajaan BN tidak memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat.

Kempat; Dakwaan Pas kononnya Malaysia bukan negara Islam dan tidak mengutamakan nilai-nilai ke-Islaman adalah tidak tepat kerana kerajaan terus berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan.

Selain itu, sudah banyak bukti kerajaan melaksanakan projek seperti penubuhan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, sistem takaful dan beberapa lagi.

Kelima; Sejak keluar daripada Barisan Nasional, Pas banyak membuat isu yang memalukan umat Islam seperti sembahyang dua imam, menikahkan semula pasangan yang sudah bernikah, pergeseran keluarga termasuk suami isteri kerana perbezaan fahaman politik, tuduhan kafir mengkafirkan dan sebagainya.

Perdana Menteri selaku Pengerusi BN berkata, BN sentiasa mahu berbaik-baik dengan sesiapa sahaja bagi memastikan rakyat negara ini hidup rukun aman dan damai. Beliau juga menekankan pentingnya orang Melayu hidup berbaik-baik dalam satu negara berbilang kaum seperti Malaysia.

Hidup berbaik-baik

Sebab itu, muzakarah Umno — Pas disyorkan supaya pemimpin dan penyokong kedua parti itu dapat mengekalkan perpaduan dan membuang salah faham yang mungkin timbul.

Menurut Perdana Menteri, muzakarah itu berjaya diadakan baru-baru ini secara senyap-senyap. Muzakarah itu bertujuan mencari persefahaman dan tidak perlu dihebohkan menerusi media massa. Pertemuan itu juga bukan hasil daripada Umno menjemput Pas atau Pas menjemput Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mahu rakyat terus menyokong kerajaan yang ada sekarang supaya projek yang sedang dibuat dan akan dilaksanakan berjalan mengikut jadual.

Beliau mahu BN mendapat kerusi terbanyak, sekurang-kurangnya dua pertiga dalam pilihanraya umum tidak lama lagi. Kenyataan beliau ini bukan bermakna BN tamak kuasa tapi kuasa itu penting untuk mendapatkan mandat rakyat dan menolong setiap lapisan masyarakat terutama golongan miskin.

Katanya, kemenangan yang besar adalah perlu supaya kerajaan dapat bertindak dan bekerja tanpa

Inilah tugas besar ahli Umno untuk membimbing mereka ke jalan yang benar, katanya sambil menyesali kerana ramai penyokong Pas terpedaya.

Sepanjang lawatan dua hari itu, Perdana Menteri juga menyentuh perkara-perkara yang ada kaitan dengan kehidupan nelayan dan tuntutan gaji oleh kakitangan awam.

Beliau mengakui, nelayan adalah antara golongan miskin di negara ini tapi beliau menafikan kemiskinan itu berpunca kerana ketiadaan ikan di laut. "Ikan banyak, hanya nelayan sahaja yang perlu mengubah sikap dan mengikis amalan menangkap ikan untuk makan sendiri dan menjualnya di kampung sendiri," ujarnya. Datuk Seri Dr Mahathir mahu nelayan menangkap ikan secara besar-besaran dengan menggunakan bot dan peralatan moden supaya hasil tangkapan mereka dapat dijual di seluruh negara.

ragu-ragu. Sebaliknya, jika kerajaan lemah atau mendapat kemenangan tipis, pemimpin takut bertindak dan kesannya tentu buruk dan menjejaskan pembangunan negara.

Dalam pertemuannya dengan 1,000 pemimpin Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata kestabilan politik adalah penting supaya kerajaan disegani oleh negara-negara jiran dan negara lain di dunia dan beliau berkata, hanya kerajaan BN sahaja yang boleh mengekalkan kestabilan itu.

Perlu menang besar

Konsep BN, katanya ialah ingin bekerjasama, berbaik-baik tanpa mengetepikan kaum dan mengakui ada banyak kaum di negara ini. Kerajaan BN juga bersedia berbaik-baik dengan Pas supaya perpaduan orang Melayu dapat dikekalkan.

Tetapi, beliau bimbang dengan sikap Pas sejak kebelakangan ini. Pas menjadikan isu Memali dan mati syahid sebagai modal kempen pilihanrayanya. Beliau juga tidak senang dengan sikap sebilangan pemimpin Pas yang memutarbelitkan isu itu hingga menimbulkan salah faham orang ramai.

Perdana Menteri juga menyifatkan penyokong Pas sebagai orang buta yang memerlukan bimbingan.

Peralatan moden

Beliau juga mahu nelayan tempatan mencontohi nelayan Jepun dan Taiwan yang sanggup turun ke laut beribu-ribu kilometer dan berumah di laut berbulan-bulan lamanya.

Ketika merasmikan Pelabuhan Perikanan Chendering sebelum menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Raja Bukit Besar, Perdana Menteri yakin dengan penangkapan ikan yang banyak, pendapatan akan bertambah dan secara tidak langsung taraf hidup mereka bertambah baik serta kemiskinan dapat dihapuskan.

Di majlis jamuan makan malam di kediaman Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Perdana Menteri menyentuh mengenai tuntutan gaji kakitangan awam.

Beliau menegaskan, ketidakmampuan kerajaan membayar gaji kakitangannya, seperti yang berlaku di negara-negara lain, bukanlah sesuatu yang mustahil jika hasil yang dipungut terus berkurangan.

Menurutnya, kemerosotan hasil itu boleh berlaku sekiranya tiga pihak yang terbabit iaitu kakitangan kerajaan, sektor swasta dan ahli politik enggan dan tidak mahu bekerjasama. Beliau berharap konsep persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan itu dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. □